



FGV ambil alih ladang tebu di luar negara

» Dana RM400j suntik aset perladangan MSM Holdings

Oleh Ahmad Farizal Hajat
ahmadfarizal@bh.com.my

FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV) akan menyuntik aset perladangan baru ke dalam MSM Holdings Bhd bagi mengukuhkan lagi perniagaan gula anak syarikat milik sepenuhnya itu.

FGV, yang juga pengeluar minyak sawit terbesar dunia, akan membuat beberapa pengambilalihan ladang tebu di luar negara dengan Brazil, Myanmar dan Indonesia menjadi tiga destinasi pilihan utamanya.

Pengambilalihan ladang tebu itu dijangka bermula tahun depan dan akan dibuat secara berperingkat bagi memastikan MSM kekal memperoleh bekalan gula mentah yang bermutu dan konsisten pada harga berdaya saing.

Pada masa ini, MSM tidak memiliki ladang tebu selepas ia mengubah satu-satunya ladang tebu miliknya di Chuping Perlis kepada tanaman getah pada tahun lalu ekoran mutu tanah yang tidak menggalakkan.

Import bekalan gula

Justeru, syarikat itu yang juga pengeluar gula terbesar negara kini mengimport 100 peratus

bekalan gula mentahnya dari Brazil membabitkan jumlah 960,000 tan setahun.

Bekalan gula itu kemudian diproses dua anak syarikatnya iaitu Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd dan Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd yang memiliki kilang penapisan dan pengeluaran di Prai, Pulau Pinang, dan Chuping.

Kedua-dua kilang berkenaan memiliki gabungan kapasiti pengeluaran tahunan lebih daripada 1.1 juta tan produk gula halus.

Pengerusi FGV, Tan Sri Mohd Isa Samad, berkata bagi menjayakan pengambilalihan ladang tebu berkenaan, kumpulan sedang menilai struktur komposisi tanah, selain melaksanakan kajian daya maju mengenai kedudukan lokasi dan keupayaan pengeluaran di Brazil, Myanmar dan Indonesia.

"Kami kini dalam peringkat

permulaan rundingan untuk mengambilalih ladang tebu di tiga negara berkenaan.

Ambilalih ladang sawit

"Kecenderungannya adalah lebih ke arah mengambilalih ladang sedia ada mengambilalih tanah kosong. Ia sama seperti kami mengambilalih ladang sawit yang terletak di Felda Sahabat, Sabah sebelum ini.

"Namun, rancangan itu tidak boleh dibuat terburu-buru kerana kami harus pastikan bahawa tanah yang bakal diambil alih nanti berkualiti dari segi kandungan tanahnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penyerahan Zakat oleh MSM kepada pusat pungutan zakat Perlis, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan membabitkan jumlah RM17.48 juta, di Kuala

Lumpur semalam.

Difahamkan, Brazil berkeungkinan menjadi pilihan utama untuk FGV mengambil alih ladang berikutan negara berkenaan memiliki cuaca yang sesuai dengan penanaman tebu kerana tanaman itu memerlukan cuaca kering selama empat bulan bagi mendapatkan hasil yang baik.

FGV dijangka memperuntukkan dana sehingga RM400 juta, iaitu dana yang dijana daripada tawaran awam permulaan (IPO) MSM pada 2011, bagi tujuan pengambilalihan strategik berkenaan.

"Kami kini dalam peringkat permulaan rundingan untuk mengambilalih ladang tebu di tiga negara berkenaan"

Mohd Isa Samad,
Pengerusi FGV

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Mohd Isa (tiga dari kanan) **menyerahkan zakat MSM Holdings** kepada pusat pungutan zakat Perlis, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan sambil diperhati Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MSM Holdings, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Kewangan FGV, Ahmad Tifli Mohd Talha di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO SALHANI IBRAHIM/BH)